



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

GARIS PANDUAN SESI *DUE DILIGENCE*

Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan R&D

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Aras 2, Blok C4, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62662 Putrajaya

Tel: 603 – 8223/ 8355/ 8354

Fax: 603 – 8889 2996

Laman Sesawang: <https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/portfolio/edd>

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN	2
2. PENGENALAN.....	2
3. OBJEKTIF	3
4. KRITERIA KPI KHAS MCY.....	3
5. KRITERIA KELAYAKAN PENYERTAAN	4
6. PROSES PENYERTAAN	4
7. KRITERIA PENILAIAN.....	7
8. PEMBATALAN PENYERTAAN.....	8

LAMPIRAN:

1. TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI (TRL).....	9
--	----------

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu organisasi yang terdiri daripada kementerian, agensi kerajaan, agensi pembangunan teknologi, institusi penyelidikan, universiti dan syarikat yang mempunyai produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D&C&I iaitu penyelidikan (*research*), pembangunan (*development*), pengkomersialan (*commercialisation*) dan inovasi (*innovation*) dibiayai oleh Kerajaan Malaysia yang berhasrat menyertai Sesi *Due Diligence* anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Garis panduan ini menggariskan kriteria kelayakan penyertaan, kriteria dan proses penilaian serta tatacara permohonan menyertai Sesi *Due Diligence*.

2. PENGENALAN

- 2.1 *Due Diligence* adalah salah satu program di bawah inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2017. MCY merupakan suatu platform untuk membantu golongan penyelidik, inovator dan usahawan tempatan melonjakkan pengkomersialan hasil R&D&C&I yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia ke pasaran tempatan dan antarabangsa.
- 2.2 *Due Diligence* adalah proses penilaian ke atas produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia bagi menentukan tahap pengkomersialan mengikut Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) seperti di **Lampiran 1** yang diukur berdasarkan skala 1 hingga 9.
- 2.3 Sesi *Due Diligence* diadakan bagi menyaring, menganalisa dan meneliti potensi pengkomersialan produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D&C&I yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia dan mengenal pasti KPI Khas MCY (calon anugerah MCY yang telah dikomersialkan) yang meliputi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.
- 2.4 Sesi *Due Diligence* juga turut mengenal pasti jenis intervensi ke atas produk/teknologi/perkhidmatan agar aktiviti pengkomersialan dan fasilitasi yang diperlukan seperti sesi *coaching*, *pitching*, pameran dan ekspo dapat dilaksanakan dengan berkesan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Objektif pelaksanaan Sesi *Due Diligence* adalah seperti berikut:
- 3.1.1 Menyaring dan menganalisa produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia serta mengkategorikannya mengikut jenis intervensi agar aktiviti pengkomersialan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan;
 - 3.1.2 Menentukan fasilitasi bersesuaian ke atas produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia agar pasaran produk R&D&I tempatan dapat dipergiat melalui sesi padanan perniagaan, sesi *coaching*, *pitching* dan penyertaan pameran; dan
 - 3.1.3 Menentukan produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D dan inovasi tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia yang menepati kriteria KPI Khas MCY untuk tujuan penilaian anugerah MCY.

4. KRITERIA KPI KHAS MCY

- 4.1 Setiap produk/teknologi/perkhidmatan yang dinilai perlulah mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan untuk melayakkan produk/teknologi/perkhidmatan tersebut direkodkan sebagai KPI Khas MCY. Kriteria KPI Khas MCY adalah seperti berikut:
- 4.1.1 Produk/teknologi/perkhidmatan yang baharu atau telah dinaik taraf (*up scaled*) daripada produk/teknologi/ perkhidmatan sedia ada;
 - 4.1.2 Hasil jualan yang dijana pada tahun semasa atau hasil jualan kumulatif separuh kedua tahun sebelum (Julai sehingga Disember);
 - 4.1.3 Perjanjian pelesenan ditandatangani pada tahun semasa; dan/atau

- 4.1.4 Royalti diterima adalah daripada jualan yang dibuat pada tahun semasa atau hasil jualan kumulatif separuh kedua tahun sebelum (Julai sehingga Disember).

5. KRITERIA KELAYAKAN PENYERTAAN

- 5.1 Penyertaan adalah terbuka kepada kementerian, agensi kerajaan, agensi pembangunan teknologi, institusi penyelidikan, universiti dan syarikat yang mempunyai produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia yang berpotensi atau telah dikomersialkan pada tahun permohonan;
- 5.2 Setiap penyertaan perlu dimohon melalui pautan <https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/portfolio/edd> (manual pengguna boleh dirujuk melalui pautan <https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/wp-content/uploads/2024/05/MANUAL-PENGGUNA.pdf>); dan
- 5.3 Tiada sebarang yuran penyertaan dikenakan. Walau bagaimanapun, kos pengangkutan dan penginapan peserta ke Sesi *Due Diligence* adalah di bawah tanggungjawab masing-masing.

6. PROSES PENYERTAAN

- 6.1 Terdapat empat (4) peringkat proses penyertaan Sesi *Due Diligence* seperti berikut:



6.1.1 Peringkat 1: Pencalonan produk/teknologi/perkhidmatan

- 6.1.1.1 Jemputan pencalonan & format slaid pembentangan dikeluarkan melalui emel dan disertakan pautan <https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/portfolio/edd> bagi pencalonan produk/teknologi/perkhidmatan MCY.
- 6.1.1.2 Tempoh masa yang diberikan kepada peserta yang berminat untuk mengemukakan Borang Pencalonan Produk/Teknologi/Perkhidmatan MCY dan slaid pembentangan adalah selama empat (4) minggu.

6.1.2 Peringkat 2: Penghantaran penyertaan oleh penyelidik/ inovator yang berminat dan pengumpulan slaid pembentangan

- 6.1.2.1 Borang Pencalonan Produk/Teknologi/Perkhidmatan MCY yang lengkap perlu dihantar oleh peserta kepada Sekretariat MCY dalam tempoh masa yang telah ditetapkan melalui pautan <https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/portfolio/edd>

- 6.1.2.2 Borang Pencalonan Produk/Teknologi/Perkhidmatan MCY akan disemak oleh Sekretariat MCY untuk memastikan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap.
- 6.1.2.3 Borang Pencalonan Produk/Teknologi/ Perkhidmatan MCY yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada peserta melalui emel untuk dilengkapi dan peserta perlu mengembalikan semula kepada Sekretariat MCY sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Sesi *Due Diligence* dilaksanakan.
- 6.1.3 **Peringkat 3: Jemputan menghadiri Sesi *Due Diligence* dan pengumpulan slaid pembentangan**
 - 6.1.3.1 Sekretariat MCY menghantar emel jemputan ke Sesi *Due Diligence* kepada peserta.
 - 6.1.3.2 Pengesahan kehadiran dan slaid pembentangan mengikut format perlu dikemukakan kepada Sekretariat MCY sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Sesi *Due Diligence* berlangsung. Format slaid pembentangan/*pitch deck* adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 6.1.4 **Peringkat 4: Pelaksanaan Sesi *Due Diligence***
 - 6.1.4.1 Sesi *Due Diligence* dilaksanakan sama ada secara fizikal di lokasi yang ditetapkan atau secara maya.
 - 6.1.4.2 Peserta perlu membuat pembentangan di hadapan panel berdasarkan jadual dan lokasi yang telah ditetapkan. Penyertaan bagi peserta yang tidak dapat memberikan komitmen atau tidak dapat hadir semasa tarikh pembentangan adalah dianggap terbatal secara automatik.
 - 6.1.4.3 Masa pembentangan termasuk demo produk/teknologi/ perkhidmatan adalah selama 5 minit dan diikuti sesi soal-jawab selama 10 minit.

- 6.1.4.4 Panel Penilai Sesi *Due Diligence* akan meneliti setiap borang pencalonan dan pembentangan peserta serta membuat penilaian untuk menentukan TRL produk/teknologi/perkhidmatan dan kesesuaian fasilitasi/intervensi.
- 6.1.4.5 Hasil penilaian panel penilai adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan terhadap keputusan tersebut tidak akan dilayan.
- 6.1.4.6 Peserta yang berjaya disenaraikan sebagai KPI Khas MCY akan dimaklumkan melalui emel dan ditapis untuk menyertai Anugerah MCY.
- 6.1.4.7 Hanya KPI Khas MCY yang mempunyai TRL 5 dan ke atas sahaja akan dijemput untuk ke Sesi Penilaian Tapisan Anugerah MCY.

7 KRITERIA PENILAIAN

- 7.1 Kriteria penilaian yang digariskan dalam Borang Penilaian mengandungi tujuh (7) sekyen seperti berikut:
 - 7.1.1 *Section A – Product/Technology/Service Information*
 - 7.1.2 *Section B – Main Category*
 - 7.1.3 *Section C – Technology Readiness Level (TRL)*
 - 7.1.4 *Section D – Gaps*
 - 7.1.5 *Section E – Duration To Address The Gaps*
 - 7.1.6 *Section F – Recommendation for Special KPI MCY*
 - 7.1.7 *Section G – Panel’s Remark (commercialisation plan, facilitation agencies, others)*

8 PEMBATALAN PENYERTAAN

8.1 MOSTI berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya berlaku perkara berikut:

8.1.1 Sebarang maklumat palsu yang diberikan oleh peserta.

8.1.2 MOSTI berhak pada bila-bila masa, untuk mengkaji, menggantung atau membatalkan penyertaan peserta sekiranya langkah-langkah tersebut dianggap perlu.

LAMPIRAN 1**TECHNOLOGY READINESS LEVEL (TRL)**

Penilaian berdasarkan *Technology Readiness Level* (TRL) telah diperkenalkan oleh *National Aeronautics and Space Administration* (NASA) untuk menilai dan mengenal pasti kematangan teknologi dan tahap kesiediaan pengkomersialan yang diukur melalui skala TRL 1 hingga TRL 9 seperti berikut:

PHASE	TRL	MATURITY LEVEL	STAGE
<i>Basic Research</i>	1	<i>Promising research findings</i>	STAGE 1: DISCOVERY
	2	<i>Technology application formulated</i>	
	3	<i>Lab-scale experimental proof of concept</i>	
<i>Feasibility Demonstration</i>	4	<i>Lab-scale development and integration</i>	
<i>Technology Development</i>	5	<i>Production enhancement/ techno-economic model</i>	
<i>Viability Demonstration</i>	6	<i>Scale up and pilot-scale technology validation</i>	STAGE 2: DETERMINATION
<i>Commercial Transition</i>	7	<i>Detailed engineering/plant design</i>	
	8	<i>Semi-works-scale technology demonstration</i>	
<i>Commercial Deployment</i>	9	<i>Large-scale commercial operations</i>	STAGE 3: DEVELOPMENT